

KURSUS MOOC Jom Belajar WordPress memberi pendedahan kepada pelajar cara-cara menghasilkan blog sendiri.



KURSUS MOOC Jom Belajar WordPress boleh diakses oleh sesiapa sahaja.

WordPress platform pembelajaran maya

PEMBELAJARAN secara online memberi pengalaman sosial yang menarik kepada pelajar. Pembelajaran bermakna akan berlaku apabila pelajar mendapat inspirasi, teruja, merasa dicabar dan bermotivasi untuk mendapatkan sesuatu.

Ini bukan berorientasikan markah atau gred.

Platform pembelajaran online melangkaui penghantaran kandungan untuk memberi tumpuan kepada komuniti dan penglibatan pelajar.

Justeru, pensyarah Jabatan Pembudayaan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan

Blog yang dibangunkan di WordPress boleh dimanfaatkan untuk tujuan pembelajaran bermakna.

Matematik (STEM), Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Rosseni Din telah membina blog untuk tujuan pembelajaran melalui Kursus Online Terbuka Besar-Besaran (MOOC) menggunakan Model Reka Bentuk Universal untuk Pembangunan Lewes (Model UDin).

Beliau telah menggunakan platform percuma WordPress sebagai blog pembelajaran.

WordPress telah berubah menjadi antara penerbitan web yang paling terkenal dan kini, ia mengawal berjuta-juta laman web.

"WordPress merupakan perisian penerbitan daripada sumber terbuka. Ia percuma dan pengguna boleh memanfaatkan untuk tujuan pembelajaran, komunikasi, pemasaran, perniagaan, pengurusan maklumat dan pengetahuan.

"Platform percuma itu merupakan evolusi paling berjaya daripada induk sistem penerbitan blog dan memiliki sejumlah besar pengguna dan pemaju untuk pelbagai aplikasi," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Bangi, Selangor baru-baru ini.

Menurut Rosseni, melalui kursus MOOC Jom Belajar WordPress, pelajar boleh memahami dan mengenal pasti ciri-ciri khusus yang diperlukan dengan bantuan modul UDin untuk membina laman web sendiri di WordPress.

"Pelajar perlu menjawab soalan kuiz bagi memastikan mereka memahami semua konsep pembangunan sesebuah blog dan dikehendaki menghantar alamat pelokasi sumber seragam (URL) untuk komen dan penambahbaikan," katanya. Beliau yang berasal dari Kedah dan dilahirkan di

Cheras, Kuala Lumpur menjelaskan, blog Teknologi Pendidikan yang dibangunkan beliau di platform WordPress membantu pelajar membangunkan sendiri laman web mereka di platform sama bagi tujuan penilaian tugasan dalam kursus Teknologi Maklumat, Teknologi Pendidikan dan Pengajaran bantuan Komputer.

Pungutan data

Para pelajar akan menggunakan Model UDin iaitu model komprehensif untuk analisis, reka bentuk, pembangunan, pengujian, pelaksanaan, penilaian dan permodelan sebarang aplikasi, modul atau sistem pengajaran dan pembelajaran untuk imersif maya.

Ia menggunakan reka bentuk keterlibatan dan kaedah kesahan triangulasi interaktif iaitu menyemak data dengan menggunakan pelbagai sumber atau pelbagai prosedur dalam pungutan data.

"Pelajar akan menggunakan Model UDin secara langsung atau tidak langsung dan secara keseluruhan atau memfokus kepada fasa tertentu sahaja.

"Model UDin memerlukan pelajar memfokus kepada hasil pembelajaran dan aktiviti yang ditentukan, faham apa yang diperoleh dan menghayati serta mengaplikasikan pengetahuan tersebut," jelas graduan doktor falsafah (PhD) Pengurusan Sistem Maklumat UKM tersebut.

Pembelajaran bermakna berlaku apabila pelajar dapat mengaitkan pengalaman dan pengetahuan baharu dengan pengalaman serta pengetahuan sedia ada.

"Pembangunan sesebuah blog atau mana-mana sistem pengajaran dimulakan dengan fasa analisis iaitu melihat keperluan pengguna laman web selepas dilaksanakan kajian taksiran masalah.

"Kemudian, pelajar perlu melakukan fasa reka bentuk yang melibatkan spesifikasi keperluan WordPress termasuk teori, strategi, kandungan, nilai yang ingin



ROSSENI membukukan kaedah dan teori yang digunakan untuk rujukan pada masa hadapan.